

PERCANGGAHAN PENTAFSIRAN SUKU KATA SECARA FONOLOGIS DENGAN SECARA FONETIK

Manavavee Mamah, Hasbulloh Nadaraning

Jurusan Bahasa Melayu,

Fakulti Sains Kemanusiaan dan Sosial,

Yala Rajabhat University

kuanno_ree12@yahoo.com

PENGENALAN

Sejak zaman dahulu ramai ahli linguistik, khususnya pengkaji dalam bidang fonologi dan fonetik, tidak menyedari atau salah mentafsirkan fenomena bunyi bahasa yang terdapat pada unit **suku kata** (*syllable*) yang dipenggal secara ideal dalam sesuatu bahasa. Ramai pengkaji mencampuradukkan konsep fonetik fisiologis dengan konsep fonologis untuk mentafsirkan suku kata. Kesalahfahaman mereka ialah setiap suku kata ditafsirkan sebagai mempunyai sempadan yang jelas dan tepat di antaranya, seperti yang ditranskripsikan dalam bentuk unit kombinasi fonem V, VK, KV, KVK dan lain-lain. Oleh hal yang demikian, fakta kehadiran **bunyi peralihan** (*transitory sound*) antara bunyi-bunyi tunggal tidak disedari dan juga tidak diambil kira. Semua hal kombinasi unit bunyi yang kecil dengan bunyi peralihan itu dapat dilihat secara visual dan diperjelas melalui kaedah fonetik akustik berkomputer.

TAFSIRAN SUKU KATA

Dalam kajian bahasa Melayu, sudut tafsiran suku kata rasanya tidak dibezakan secara tradisional. Maksudnya, suku kata ditafsirkan sebagai “unit kombinasi fonem yang diucapkan dengan satu hembusan nafas”. Tafsiran yang demikian ternyata mencampuradukkan konsep fonetik fisiologi dengan konsep fonologi. Dengan serentakannya, tafsiran suku kata yang tersebut menyebabkan kesalahfahaman bahawa setiap suku kata seolah-olah mempunyai sempadan yang jelas dan tepat di antaranya, seperti yang ditranskripsikan dalam bentuk unit kombinasi fonem V, VK, KV, KVK dan lain-lain. Oleh hal yang demikian itu, fakta kehadiran bunyi peralihan antara bunyi-bunyi tunggal tidak disedari dan juga tidak diambil kira. Padahal, kombinasi unit-unit bunyi tunggal sahaja tidak dapat menghasilkan bunyi bahasa yang natural.

Satu tafsiran suku kata fonetik artikulasi dapat dilihat dalam petikan yang berikut:

*Phonetically syllables “are usually described as consisting of a centre which has little or no obstruction to airflow and which sounds comparatively loud; before and after that centre [...] there will be greater obstruction to airflow and/or less loud sound” (Roach, 2000:70). In the monosyllable (one-syllable word) **cat** /kæt/, the vowel /æ/ is the “centre” at which little obstruction takes place, whereas we have complete obstruction to the airflow for the surrounding plosives /k/ and /t/. Attempts have been made to provide physiological, acoustic or auditory explanations and definitions of the syllable. According to the **prominence theory**, for example, which is based mainly on auditory judgments, the number of syllables in a word is determined by the number of peaks of prominence. In the word **entertaining** /,entə'teɪnɪŋ/ the peaks of prominence are represented by the vowels /e ə eɪ ɪ/. However, this theory does not help much in discussions of **syllable division**.¹⁶*

Dari sudut fonetik fisiologis pula,

“R.H Stetson has set forth the thesis, supported by extensive evidence, that the syllable is a motor unit; that is, that each syllable is basically a movement complex in which the large, underlying movement is the breath pulse, or thrust of the chest musculature, which creates a compression of air in the lungs. The mission of this air is then started, controlled, or checked by movements of articulatory organs.”

(Heffner, 1950:73)

Dalam kedua-dua petikan tersebut, suku kata ditafsirkan dari segi fonetik artikulasi dan fonetik fisiologis. Maksudnya, suku kata dihasilkan oleh kesempurnaan hembusan nafas dengan tekanan udara dari paru-paru, kemudian dikontrol oleh alat artikulasi sehingga menghasilkan bunyi vokal

¹⁶ Sumber dari: <http://www.personal.rdg.ac.uk/~llsroach/phon2/mitko/syllable.htm> 04/06/ 2011.

dan konsonan. Vokal yang membentuk puncak kelantangan dapat bergabung dengan konsonan untuk menghasilkan suku kata. Walau bagaimanapun, dengan puncak kelantangan vokal sahaja sukar untuk kita melihat sempadan suku kata dalam sesuatu kata, dengan jelas dan tepat, kerana **kelantangan** (*prominence*) dipengaruhi oleh perbezaan panjang atau pendek bunyi, aksen nada (*musical accent, pitch, tone*), aksen tekanan (*dynamic accent*), atau perbezaan kombinasi unsur-unsur ini. Istilah kelantangan itu sebenarnya merujuk kepada sifat yang disengajakan, manakala istilah **kenyaringan** (*sonority*) merujuk kepada sifat yang semula jadi yang ada pada tiap-tiap bunyi [lihat Sato (2000:140)]. Ramai pengkaji tidak menyedari perbezaan makna yang disimpulkan dalam kedua-dua istilah kelantangan dan kenyaringan tersebut. Menurut Heffner lagi,

“To divide speech sounds on the basis of their function into the two groups, syllabics and nonsyllabics, is to assume the existence of the syllable. Attempts to define syllable by the investigation of acoustic records of utterances have been unsuccessful, and instrumental phoneticians have denied the reality of syllable. They do so because they cannot delimit the syllables on their records. As Jespersen long ago pointed out, this is somewhat the same kind of reasoning as would lead one to deny the existence of two adjacent hills because one cannot satisfactorily determine how much of the intervening valley belongs to one and how much to the other. The fact is incontestable that the decibel (microwatt) meter of any properly functioning acoustic recorder will show “peaks” of acoustic energy which correspond in number and in sequence precisely with the enunciation of the sounds we have called syllabic. There is one such peak for every fraction of an utterance which we would call, in our traditional way, a syllable.”

(Heffner, 1950:72-73)

[Cataan: Garis bawah pada ayat dalam petikan ini diberi oleh penulis]



(Gambar hiasan: dua puncak gunung)

Heffner dalam petikan tersebut mengatakan dari segi fonetik akustik bahawa sempadan suku kata itu sukar ditentukan dengan tepat walaupun nukleus suku kata dapat dicatatkan dari segi akustik. Hal ini disebabkan kerana dasar antara satu suku kata dengan suku kata yang lain bertindih satu sama lain, dan **bunyi peralihan** (*transitory sound*) bersambung-sambung dalam serentetan ujaran bahasa.

Dari sudut fonologis pula,

*“Phonological syllable as “a complex unit made up of nuclear and marginal elements”. Nuclear elements are the **vowels** or syllabic segments; marginal elements are the **consonants** or non-syllabic segments. In the syllable **paint** /peɪnt/, the diphthong /eɪ/ is the nuclear element, while initial consonant /p/ and the final cluster /nt/ are marginal elements.”¹⁷*

Suku kata fonologis ini diterangkan oleh Crystal,

*“Phonological views of the syllable focus on the way sound combine in a language to produce typical sequences. Two classes of sound are established: sounds that can occur on their own, or at the centre of a sequence of sounds (vowels (V)); and those that cannot occur on their own, or at the edge of the sequence (consonants (C)) (p. 154). Typical sequences include CV **see**, CVC **hat**, CCVC **stop**, etc. In this way the range of syllable types used in a language can be identified and different languages compared. [...] The syllable, in this view, takes its place as an important abstract unit in explaining the way vowels and consonants are organized within sound system.”*

(Crystal, 1997:166)

Dalam kedua-dua petikan tersebut dikatakan bahawa suku kata fonologis terbentuk dari unit gabungan unsur nukleus dengan unsur sampingan. Dalam hal ini, konsep “silabik” digabungkan dengan kriteria kenyaringan (*sonority*) secara tersirat. Dengan serentakannya, satu fonem dianggap seolah-olah mempunyai satu puncak kenyaringan yang tetap tanpa mengambilkira kehadiran bunyi peralihan antara unsur nukleus dan unsur sampingan. Maksudnya, unit fonem disamakan dengan puncak kenyaringan seolah-olah pergerakan alat artikulasi terhenti-henti sehingga ujaran bahasa terbentuk dari unit-unit bunyi tunggal yang terhasil secara statik. Ternyata bahawa suku kata fonologis ditafsirkan sebagai kombinasi fonem-fonem yang bersifat abstrak yang dipenggal secara

¹⁷ Sumber dari: <http://www.personal.rdg.ac.uk/~llsroach/phon2/mitko/syllable.htm> 04/06/ 2011.

ideal dari ujaran bahasa. Maksudnya, unit suku kata fonologis terbentuk dari unit fonem yang abstrak sahaja dalam ujaran bahasa yang bersifat tidak natural untuk kepentingan kajian.

KESALAHFAHAMAN TERHADAP SUKU KATA FONOLOGIS

Pada mulanya, kata dasar bahasa Melayu hendak dianalisis dari segi fonologis. Idea suku kata fonologis sudah lama digunakan dalam pelbagai kajian dialek-dialek Melayu dan rumpun bahasa Austronesia, berdasarkan kombinasi fonem yang bersifat “abstrak” seperti V (suku kata terbuka), KV (suku kata terbuka), VK (suku kata tertutup), KVK (suku kata tertutup), dan lain-lain. Namun demikian, jika idea suku kata fonologis tersebut “disalahertikan”, pergerakan alat artikulasi dan gangguan terhadap arus udara melalui saluran udara juga akan “disalahgambarkan” dari segi imaginasi seperti yang berikut:


Lakaran imaginasi yang berikut bermakna:

(i) garisan panah (→) : arus udara melalui saluran udara.


(ii) dua garis (=) : alat artikulasi berjauhan atau berdekatan.

(iii) garis tegak (|) : alat artikulasi dirapatkan.


(1) kata *ibu* /i.bu/ V.KV




(2) kata *luas* /lu.as/ KV.VK



(3) kata *bola* /bo.la/ KV.KV




(4) kata *sukar* /su.kar/ KV.KVK




Kesemua contoh lakaran imaginasi (1) – (4) menunjukkan bahawa (i) bunyi peralihan tidak hadir antara tiap-tiap suku kata fonologis, dan (ii) hembusan udara dan artikulasi bunyi bermula atau terhenti dengan tiba-tiba antara satu suku kata dengan suku kata yang lain.

Ujaran bahasa yang sebenarnya wujud tidak dapat digambarkan dengan cara yang ditunjukkan dalam contoh lakaran (1) – (4) tadi. Hasil eksperimen akustik (5) – (8) membuktikan kesalahfahaman dalam contoh lakaran (1) – (4), dari segi fonetik akustik.


(5) kata *ibu* [ibu]



(6) kata *luas* [luas]. (Perhatikan kehadiran diftong [uə] antara dua vokal [u] dan [a])




(7) kata *bola* [bola]



b +bo+ o +ol+ l +la+ a

(8) kata *sukar* [sukar]



s +su+ u +uk+ k +ka+ a +ra+ r

Kesemua contoh (5) – (8) memperlihatkan (i) panjang-pendek sesuatu bunyi yang berterusan (bukan berulang) dan (ii) kehadiran bunyi peralihan yang menghubungkan satu bunyi dengan bunyi yang lain dalam kata.


FENOMENA GEMINASI KONSONAN DAN SUKU KATA

Tafsiran suku kata mempunyai kepentingan dalam fonetik dan fonologi masing-masing. Oleh kerana terdapat perbezaan mengenai tafsiran suku kata antara pengkaji-pengkaji, analisis terhadap


struktur **geminasi** (Belanda: *geminatie*; Inggeris: *geminatio*) juga memperlihatkan percanggahan tafsiran antara kajian fonetik dan kajian fonologi.¹⁸ Misalnya, kata terbitan berimbuhan *-an*, *-i*, dan *-kan* dalam bahasa Melayu dapat dicontohkan sebagai bahan perdebatannya. Hal ini perlu dianalisis secara objektif untuk memastikan sama ada geminasi konsonan betul-betul terjadi secara nyata atau tidak pada imbuhan berkenaan.

Sato (2011) telah membuktikan satu fenomena geminasi konsonan yang terdapat, misalnya, dalam kata terbitan *tuduhan* [tudu^hhan] < *tuduh* [tudu^h] melalui analisis akustik berkomputer. Hasil kajian ini juga menunjukkan satu kesalahfahaman yang terdapat dalam analisis suku kata yang digunakan secara tradisional dalam kajian bahasa Melayu. Kesalahfahaman yang dimaksudkan itu dapat digambarkan secara imaginatif seperti berikut:

(9) kata dasar *tuduh* /tu.duh/ KV.KVK




(10) kata terbitan berakhiran *-an*, *tuduhan* /tu.du.han/ KV.KV.KVK




¹⁸ Istilah **geminasi** (Belanda: *geminatie*) sudah digunakan oleh Ophuijsen (1910:30; 1915:52) dalam kajian bahasa Melayu.

/t/ /u/ /d/ /u/ /h/ /a/ /n/

(11) kata *tuduh* [tudu^h] (Kata ini berakhir dengan bunyi letupan aspirat [^h])



(12) kata *tuduhan* [tudu^hhan] (Bunyi letupan aspirat [^h] diikuti oleh bunyi geseran [h])



Seperti dapat dilihat dalam gambar imajinasi (11) dan (12), idea suku kata fonologis tidak dapat menerangkan struktur geminasi konsonan [-^hh-] dalam kata terbitan *tuduhan* [tudu^hhan]. Grafem *h* pada kata dasar *tuduh* [tudu^h] bukan berakhir dengan bunyi geseran [h] tetapi berakhir

dengan **bunyi letupan aspirat** [h]. Hal ini merupakan satu penemuan fonetik akustik yang dipastikan hasil daripada analisis akustik berkomputer. Akan tetapi, bunyi geseran [h] muncul secara geminasi dalam kata terbitan berimbuhan *-an* {-an}, iaitu [-han]. Mengapakah demikian? Kajian fenomena geminasi konsonan dalam bahasa Melayu perlu diperjelas dari segi analisis akustik, tanpa bergantung pada idea suku kata fonologis yang digunakan secara tradisional.

PENUTUP

Kita menggunakan unit fonem yang merupakan satuan yang terkecil yang membezakan makna kata dalam kajian fonologi. Unit fonem ini bermanfaat untuk menentukan satuan suku kata dalam sesuatu kata pada satu pihak. Namun, analisis fonetik akustik mendedahkan kehadiran bunyi peralihan antara fonem yang bersebelahan. Hasilnya suku kata fonologis tidak dapat disamakan dengan suku kata fonetik. Bunyi bahasa tidak dihasilkan dalam keadaan “statik”, hanya pengkaji sahaja yang melihat bunyi yang bersifat demikian seolah-olah sebagai unit yang statik. Kajian fonetik akustik akan membuka jalan baru untuk mendalami sifat bunyi bahasa.

Rujukan

- Crystal, David, (1985). *A Dictionary of Linguistics and Phonetics*. 2nd edition. Oxford: Basil Blackwell.
- Crystal, David, 1997. *The Cambridge Encyclopedia of Language*. 2nd Edition. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Heffner, R-M. S., 1950. *General Phonetics*. London: The University of Wisconsin Press.
- Ismail Dahaman, 2007. *Ejaan Rumi Sepanjang Zaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Manavavee, Mamah, (2012). *Fenomena Geminasi Konsonan Dalam Proses Penerbitan Kata: kajian kes bahasa Melayu standard*. Tesis Sarjana (M.A. by research). Program Bahasa Melayu dan Linguistik, Fakulti Sastera dan Sains Soail, Universiti Brunei Darussalam.
- Ophuijsen, Ch.A., (1910). *Maleische Spraakkunst*. Leiden: .C. van Doesburgh.
- _____, (1915). *Maleische Spraakkunst*. 2^{de} druk. Leiden: .C. van Doesburgh.
- Pullum, Geoffrey K. & Ladusaw, William A. (1996). *Phonetic Symbol Guide*. 2nd edition. Chicago: The University of Chicago Press.
- Sato, Hirobumi @ Rahmat, (2000). *Kursus Permulaan Fonetik dan Fonologi*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Bahasa Melayu dan Linguistik, Universiti Brunei Darussalam.
- _____, (2011). “Analisis Akustik Konsonan /-h/ dalam Kata Terbitan Berimbuhan {-an} /-an/, dalam *Jurnal Bahasa Bil.22* (Januari-April). Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.